



**JABATAN PERLINDUNGAN DATA PERIBADI
KEMENTERIAN DIGITAL**

**PANDUAN PEMBUKAAN AKAUN BAGI
PENDAFTARAN PENGAWAL DATA
(GOLONGAN PENGAWAL DATA)
MELALUI
SISTEM PERLINDUNGAN DATA PERIBADI (SPDP)**


Dikemas kini pada: 15 Julai 2025

1. Panduan Umum

- Bagi pengawal data baharu, pembukaan akaun di SPDP hendaklah dilakukan terlebih dahulu.


2. Pembukaan Akaun SPDP

- Pembukaan akaun SPDP adalah secara dalam talian (*online*) dengan melayari laman sesawang SPDP di pautan <http://daftar.pdp.gov.my/> seperti paparan di dalam rajah 2.1.



Rajah 2.1

- Klik “Daftar Sekarang” di bahagian pendaftaran pengawal data seperti di dalam rajah 2.2 di bawah.



Rajah 2.2

- Pemohon akan dibawa ke halaman baru seperti di dalam rajah 2.3 dan rajah 2.4.

Sistem Perlindungan Data Peribadi

Pendaftaran Pengguna SPDP

PERINGATAN

- Syarikat yang perlu mendaftar adalah syarikat yang tertahuluk dalam golongan pengguna data berikut sahaja:
 - Komunikasi
 - Perbankan & Institusi Kewangan
 - Insurans
 - Kesihatan
 - Pelancongan & Hospitaliti
 - Pengangkutan
 - Pendidikan
 - Jualan Langsung
 - Perkhidmatan
 - Hartanah
 - Utiliti
 - Pajak Gadai
 - Pemberi Pinjam Wang
- Setiap syarikat hanya dibenarkan mendaftar sekali sahaja dan No Pendaftaran Syarikat (SSM) akan digunakan sebagai ID log masuk sistem SPDP.

1 NAMA DAN MAKLUMAT PERNIAGAAN

Jenis Perniagaan :

Milikian Tunggal Perkongsian Sdn Bhd Awam Berhad

Nama Syarikat * **Nama syarikat**

No. Pendaftaran Syarikat * **Nombor SSM / Nombor lesen perniagaan**

Alamat Baris 1 *

Alamat Baris 2

Alamat Baris 3

Poskod *

Negeri *
Sila Pilih

Bandar *
Sila Pilih

No. Telefon * **Nombor talian syarikat**

Masukkan alamat perniagaan syarikat

Rajah 2.3

No. Faks

Emel * **Alamat emel rasmi syarikat**

Golongan Pengguna :

Komunikasi
 Perbankan & Institusi Kewangan
 Insuran
 Kesihatan
 Pelancongan & Hospitaliti
 Pengangkutan
 Pendidikan
 Jualan Langsung
 Perkhidmatan
 Hartanah
 Utiliti
 Pajak Gadai
 Pemberi Pinjam Wang

Tandakan di ruangan kotak mengikut sektor syarikat yang bersesuaian

2 **MAKLUMAT WAKIL SYARIKAT** **Isi maklumat wakil syarikat**

Nama * **Nama majikan**

No. MyKad * **No. Kad pengenalan**

Jawatan **Jawatan majikan**

KEMBALI **HANTAR**

3 **Klik hantar setelah selesai**

Rajah 2.4

- Isikan maklumat dengan lengkap di bahagian Nama dan Maklumat Perniagaan dan bahagian Maklumat Wakil Syarikat.
- Setelah selesai, klik hantar.
- Suatu mesej “Pop Up” mengandungi ID dan kata laluan akan dipaparkan seperti di rajah 2.5 di bawah.

Pendaftaran Pengguna SPDP

⚠ PENDAFTARAN BERJAYA

- Pendaftaran anda berjaya.
- ID Pengguna anda adalah
- Kata Laluan sementara anda adalah
- Kemudian teruskan dengan mendaftar sebagai pengguna SPDP di permohonan Pendaftaran Perakuan Baharu.

KEMBALI 

Rajah 2.5

Nota:

- Bagi organisasi atau firma yang tidak mempunyai nombor pendaftaran perniagaan/syarikat SSM, nombor pendaftaran pada lesen perniagaan boleh digunakan.
- Dinasihatkan bagi pemohon untuk salin dan tampal (*Copy & Paste*) kata laluan sementara tersebut bagi mengelakkan ralat semasa penulisan.

3. Log Masuk Akaun

- Setelah selesai proses pembukaan akaun SPDP, pemohon perlu log masuk ke dalam akaun SPDP untuk mengaktifkan akaun tersebut.
- Pemohon perlu melayari laman sesawang SPDP di <http://daftar.pdp.gov.my/>.
- Klik “Log Masuk SPDP” di penjuru kanan atas laman SPDP.
- Masukkan ID pengguna dan kata laluan.
- Seterusnya, Klik butang “Log Masuk”.



Rajah 3.1

- Pembukaan akaun SPDP berjaya.